



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**SEMPENA SAMBUTAN
HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA 2018 PERINGKAT KEBANGSAAN
SERTA PELANCARAN TAHUN PERANGI JERAT
DAN MAJLIS PELANCARAN PROJEK PEMULIHARAAN
MUARA SUNGAI KESANG**

DATARAN LEDANG, TANGKAK, JOHOR

1 APRIL 2018

1. YB Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia 2018 Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama Pejabat Daerah Tangkak, Johor di Dataran Tangkak, Johor pada hari ini. Turut hadir ialah YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar merangkap Ahli Parlimen Ledang.

2. Penganjuran ini bersempena sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia (World Wildlife Day) yang disambut pada 3 Mac setiap tahun. Tema sambutan World Wildlife Day pada tahun ini ialah “**Big cats: Predators under threat**” yang memberi fokus kepada ancaman kepupusan spesies kucing besar (*big cats*). Di Semenanjung Malaysia, dianggarkan populasi

harimau adalah sebanyak 250 hingga 340 ekor di kawasan habitat utama hidupan liar seperti Taman Negara dan Rizab Hidupan Liar.

3. Ancaman utama kepupusan hidupan liar adalah akibat aktiviti pemburuan haram. Jerat merupakan alat yang digunakan oleh pemburu haram untuk menangkap hidupan liar yang berupaya menyebabkan kepupusan pelbagai spesies hidupan liar secara drastik kerana ia boleh mendatangkan kecederaan yang serius kepada mangsa dan seterusnya mengakibatkan kematian. Jerat turut berisiko memberi ancaman kepada manusia. **Lebih daripada 2000 utas jerat telah dimusnahkan dalam 630 operasi jerat yang telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN sepanjang tahun 2013 sehingga 2017.** Penggunaan jerat ini merupakan tindakan yang sangat zalim, sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan.

4. Berdasarkan statistik dari **tahun 2015 hingga 2017, sebanyak 25 ekor hidupan liar pelbagai spesies telah mati akibat dijerat.** Di antara hidupan liar yang mati akibat dijerat adalah harimau belang, harimau kumbang, gajah, tapir, kambing gurun, rusa dan kijang. Ini menyebabkan rantaian makanan semulajadi terputus di antara mangsa dan pemangsa.

5. Bersempena sambutan ini juga, NRE melalui Jabatan PERHILITAN turut melancarkan Tahun 2018 ini sebagai **Tahun Perangi Jerat.** Pelancaran ini adalah salah satu inisiatif transformasi kerajaan dalam melindungi hidupan liar melalui program bersepadu dengan kerjasama rakan strategik daripada agensi penguatkuasa seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui program *1Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network (1MBEON)*, Polis DiRaja Malaysia dan agensi penguatkuasa tempatan yang lain serta program bersama pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) yang terdiri daripada WWF-Malaysia, Wildlife Conservation Society (WCS), Malaysia Nature Society (MNS),

RIMBA, Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (PELINDUNG), The Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MYCAT) dan The Wildlife Trade Monitoring Network (TRAFFIC) Southeast Asia.

6. Kerjasama strategik ini merangkumi operasi penguatkuasaan memerangi jerat serta program-program kesedaran awam bagi memberikan pendidikan kepada masyarakat umum akan kepentingan hidupan liar serta bahaya penggunaan jerat.

7. Program Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia 2018 Peringkat Kebangsaan ini turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada agensi kerajaan negeri seperti Pejabat Daerah Tangkak, Majlis Daerah Tangkak, Perbadanan Taman Negeri Johor, syarikat-syarikat seperti Felda Global Venture (FGV), Yayasan Sime Darby, J-Biotech Johor dan Kulim Malaysia. Terdapat lebih 20 gerai pameran berkaitan pemuliharaan hidupan liar dan kesedaran awam terlibat dalam program ini yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO.

8. Diharapkan penganjuran sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia ini, akan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat berkaitan kepentingan hidupan liar dan mengeratkan kerjasama di antara agensi kerajaan, NGO, swasta dan masyarakat dalam memastikan kelestarian populasi hidupan liar.

9 Di majlis yang sama, **Projek Pemuliharaan Muara Sungai Kesang** dengan kos bernilai RM20 juta turut dilancarkan merangkumi kerja kerja pembinaan struktur batuan untuk melindungi bot-bot daripada pukulan ombak serta dapat melancarkan aliran air ke laut; penambakan pasir pantai untuk mencegah hakisan pantai dan kerja-kerja pengerukan muara sungai bagi melancarkan perjalanan bot-bot melalui kawasan muara.

Pada masa ini, projek ini dalam peringkat mereka bentuk dan kerja di tapak dijangka dapat dimulakan pada tahun 2018 ini dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

10. Adalah diharapkan dengan terlaksananya projek ini pengguna-pengguna bot seperti nelayan dan sebagainya akan dapat menjalankan aktiviti harian mereka sepanjang masa dengan lancar dan selamat serta mempunyai masa yang lebih panjang untuk menangkap ikan yang akan menambah hasil tangkapan nelayan. Masalah banjir di kawasan Ledang juga akan dapat dikurangkan.